

13/11/1998

Projek MSC tidak terjejas

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan terjejas walaupun ada anggota Panel Penasihat Antarabangnya dilaporkan meletakkan jawatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, MSC tetap akan diteruskan kerana panel itu dianggotai ramai penasihat.

Beliau diminta mengulas laporan terbaru Far Eastern Economic Review yang mendakwa dua penasihat projek MSC, Dr Kenichi Ohmae dan Alvin Toffler, meletak jawatan sebagai protes terhadap layanan kerajaan Malaysia terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut majalah itu, Toffler dan Ohmae menghantar surat kepada Perdana Menteri menyatakan kekecewaan mereka terhadap layanan ke atas Anwar.

"Saya tidak tahu mengenai Alvin Toffler tetapi Ohmae tidak meletak jawatan," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas melancarkan model baru Proton Perdana V6 dan Proton Satria Gti di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, hari ini.

Toffler adalah pengarang beberapa buku yang mempunyai jualan laris seperti Future Shock dan The Third Wave manakala perunding teknologi maklumat, Ohmae, menulis buku The Borderless World.

Mengenai mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Perdana Menteri berharap ia akan memberi tumpuan kepada masalah ekonomi di Asia Timur dan dunia sekarang.

Menurut Dr Mahathir, Apec perlu memutuskan apa yang perlu dilakukan berhubung dagangan mata wang.

"Malaysia akan mengkaji untuk menarik balik kawalan mata wang apabila masyarakat antarabangsa mengambil keputusan melakukan sesuatu kepada regim kewangan dunia dan mengawal dagangan mata wang.

"Kita perlu lihat apa regim (kewangan) yang mereka ada di peringkat antarabangsa, sebelum kita menarik balik kawalan kita," katanya.

Ditanya bagaimana kawalan itu berjalan setakat ini, beliau berkata "tidak ada apa yang runtuh (di negara ini) dan ia tidak terlalu menyakitkan."

Dr Mahathir berkata, sebaliknya Malaysia masih baik dari segi perdagangan dan kelebihan yang besar, simpanan yang lebih besar dan jualan rumah dan kenderaan yang lebih baik.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir yakin Malaysia mampu mengeluarkan kereta tempatan sepenuhnya kerana negara sudah mempunyai asas kukuh dalam industri automatif.

Malah, kata Perdana Menteri, rakyat turut menyokong projek kereta nasional, Proton.

Menurutnya, beliau yakin Proton mampu mengeluarkan kereta menggunakan 100 peratus bahan tempatan berikutan kejayaan syarikat memajukan industri automotif di negara ini.

"Daripada hanya menggunakan 13 peratus komponen tempatan, Proton kini menggunakan sepenuhnya komponen yang dihasilkan di negara ini kecuali enjin," katanya.

Perdana V6 yang dilengkapi enjin enam selinder bercirikan DOHC dan Satria Gti menggunakan enjin berkuasa 1,800 cc, yang dihasilkan menerusi perkongsian penyelidikan serta kerjasama Proton Berhad dan Lotus Engineering.

Perdana V6 yang berharga RM96,812 bagi warna biasa dan RM97,468 (metalik) akan diedarkan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON),

manakala Satria Gti yang dijual bawah RM70,000 diedarkan syarikat
Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD).

(END)